

Rentak Aliran
Terkini Untukmu

Kongsi

Noorish tabah jadi teman dialisis ibu derita

Oleh Hidayah Mohammad
hidayah@bharian.com.my

DALAM tempoh empat jam, bermacam-macam perkara boleh dibuat. Namun, apakan daya jika takdir menentukan pesakit buah pinggang kronik terpaksa meluangkan masa itu sebanyak tiga kali dalam seminggu di atas kerusi 'empuk' untuk rawatan dialisis.

Tanpa boleh berbuat apa-apa, apatah lagi

makan dan minum seperti biasa, pesakit hanya sekadar mampu melabuhkan punggung di kerusi rawatan sambil menonton televisyen, membaca makalah ataupun berbual-bual.

Bayangkan, betapa bosannya apabila melalui situasi sebegitu tambah pula terpaksa memerlukan bantuan ahli keluarga untuk menghantar, menunggu dan membawa pulang selepas menjalani rawatan.

Itulah hakikat yang terpaksa dilalui

pesakit masalah ginjal atau buah pinggang demi meneruskan kehidupan mereka. Bukan mudah bagi kita insan normal untuk memahami keadaan mereka, namun melihatkan saluran tiub dan peralatan berkaitan serta wajah 'kosong' mereka yang menjalani proses cuci darah itu, sudah cukup mencerminkan pergelutan mereka menempuh rawatan itu.

>> R2

R2

Khamis
26 April 2012

Ratu BERITA HARIAN



Manfaat masa tunggu dengan ilmu kraf

<< R1

Apa pun persepsi masyarakat yang kurang memahami kepentingan dialisis, secara realiti, rawatan inilah membantu kelangsungan hidup penghidap masalah buah pinggang.

Namun, berat mata memandang, berat lagi mahu yang memikul. Itulah yang dialami Hasamah Hussin, 77, iaitu salah seorang daripada 1,450 pesakit buah pinggang yang mendapatkan rawatan dialisis di Yayasan Buah Pinggang Malaysia atau National Kidney Foundation (NKF), Petaling Jaya, Selangor.

Ibu kepada lima cahaya mata itu disahkan doktor menghidap buah pinggang sejak dua tahun lalu selepas diserang penyakit kencing manis serta hipertension atau tekanan darah tinggi.

Sungguhpun sudah diserang dua penyakit berkenaan, Hasamah yang ditanya sama ada terkejut apabila diberitahu doktor bahawa menghidap penyakit buah pinggang pula, wanita ini ternyata pasrah dengan ketentuan Ilahi terhadap dirinya.

Dia tidak terkejut dan menerimanya dengan tenang. Di benak hatinya, lebih memikirkan pilihan untuk menghadapi dan menempuh kehidupan mendatang sebagai penghidap masalah buah pinggang.

Mungkin kerana faktor usia, wanita tabah ini tidak banyak berbicara ketika ditemui di NKF, baru-baru ini. Sepatah yang ditanya, sepatah dia berkata.

Namun, yang menarik perhatian penulis adalah ketabahnya turut dikongsi salah seorang anaknya, Noorish Mad Yusob, 59, yang setia menemani dan menunggu Hasamah sepanjang tempoh sesi rawatan berkenaan. Pada zaman serba materialistik ini, bukan mudah melihat masih ada anak yang sanggup menemani ibu tersayang dan kasih sayang dipancarkan dua beranak ini menyentuh perasaan penulis.

Kemesraan dan ketabahan dua beranak itu membuktikan masih

ada insan yang menghargai ibu tersayang di saat memerlukan. Apalagi Hari Ibu yang bakal menjelang pada bulan depan.

"Kehidupan harian mak berubah. Dulu, mak menghidap kencing manis sehingga terpaksa menjalani rawatan suntikan insulin setiap hari. Masalah kencing manis itu mungkin menjadi punca buah pinggangnya gagal berfungsi," kata Noorish.

Menurutnya, ibunya menerima rawatan kencing manis dan tekanan darah tinggi di Hospital Kuala Lumpur (HKL) sejak sekian lama.

Selepas mendapat tahu ibunya menghidap buah pinggang dan perlu menjalani rawatan dialisis, doktor di HKL menyarankan agar ibunya mendapatkan rawatan di NKF, iaitu pusat rawatan yang lengkap menyediakan keperluan, kepentingan dan kebaji-

kan kepada pesakit buah pinggang.

Sebagai anak dan menyedari ia satu tanggungjawabnya, Noorish yang sudah tidak lagi bekerja, akan bergilir-gilir dengan ahli keluarga lain - baik adik-beradik, anaknya atau anak saudara menghantar Hasamah menjalani rawatan dialisis di NKF.

"Saya bersyukur kerana rawatan yang diterima sebanyak tiga kali seminggu, membantu mak. Selama

empat jam untuk setiap sesi dalam tempoh sepanjang dua tahun di NKF, rawatan perkhidmatan di sini sememangnya selesa. Kami sekeluarga amat berpuas hati dengan layanan yang diberikan.

"NKF bukan saja prihatin terhadap pesakit dengan layanan yang mesra tetapi turut menitikberatkan kebajikan ahli keluarga ketika menunggu pesakit rawatan. Saya tidak membazirkan masa selama empat jam itu sebaliknya ketika itu saya gunakan masa sebaik mungkin dengan mencurahkan kreativiti menghasilkan beberapa barangan kraf di Pusat Sumber," katanya.

Selain menyediakan rawatan dialisis yang sistematik kepada pesakit, bilik Pusat Sumber dibuka iaitu bilik kemahiran yang diwujudkan untuk ahli keluarga yang datang menunggu pesakit, tetapi dapat meluangkan masa dengan menghasilkan pelbagai barangan kraf tangan.

Antara barangan kraf tangan dihasilkan Noorish dan pelanggan lain ialah bingkai gambar, anak patung, tempat letak tisu, lukisan tangan dan sebagainya. Setiap rekaan kraftangan akan dijual dan keuntungan hasil jualan akan diberikan kepada mereka yang menghasilkannya.

Noorish menyedari penyakit buah pinggang adalah salah satu penyakit yang memerlukan pemerhatian serta rawatan dialisis yang kerap sepanjang hayat bagi mencegah penyakit itu terus berlarutan.

"Penyakit buah pinggang bukan saja dibebani dari aspek fizikal malah turut dibebani dengan aspek kewangan kerana rawatan dialisis memerlukan belanja besar. Mujurlah NKF ada," katanya.



"Saya bersyukur kerana rawatan yang diterima sebanyak tiga kali seminggu, membantu mak. Selama empat jam untuk setiap sesi dalam tempoh sepanjang dua tahun di NKF, rawatan dan perkhidmatan di sini sememangnya selesa"

Noorish Mad Yusob
Anak

Kerosakan buah pinggang

- Berlaku secara perlahan-lahan dan mengambil masa lama.
- Ia lebih kerap berlaku kalangan mereka yang berumur
- Gjalanya tidak disedari hinggalah buah pinggang gagal berfungsi.
- Ada yang hanya tahu selepas menjalani pemeriksaan kesihatan.

Antara tanda

- Rasa tidak selesa atau terbakar (sakit) ketika buang air kecil.
- Air kencing bercampur darah.
- Perubahan rutin buang air kecil yang menjadi lebih kerap.
- Sakit belakang.
- Kerap buang air kecil pada tengah malam.
- Kaki bengkak, khususnya di pergelangan kaki.
- Mata sembab.